

Perlu geran lebih besar untuk hasil inovasi berimpak tinggi

Oleh [Siti Haliza Yusop](#) - Oktober 26, 2021 @ 3:02pm

bhnews@bh.com.my



Dr Yeong Chai Hong. FOTO MSTAR

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memastikan geran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) melalui Bajet 2022 diberi kepada gabungan pakar atau berdasarkan projek penyelidikan bagi memastikan negara dapat menghasilkan kajian berimpak tinggi.

Pakar daripada Fakulti Perubatan Universiti Taylor's, Profesor Madya Dr Yeong Chai Hong, berkata ketika ini, agihan geran penyelidikan kerajaan dibuat secara purata kepada universiti yang memohon dan ini menyebabkan setiap kajian menerima pembiayaan yang kecil.

Beliau berkata, R&D yang mendalam menelan kos tinggi sehingga mencecah RM1 juta tetapi disebabkan agihan dibuat secara purata melalui universiti, sesuatu penyelidikan hanya menerima geran berjumlah RM30,000 hingga RM50,000.

"Pemberian geran seharusnya dibuat mengikut projek penyelidikan tanpa mengira pakar dan penyelidik terbabit daripada universiti mana.

"Ini mungkin menyebabkan jumlah kajian dihasilkan lebih sedikit tetapi paling utama, negara memfokuskan pada kajian berkualiti, menyeluruh dan berimpak tinggi, termasuk di peringkat antarabangsa," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Dr Chai Hong, berkata, kerajaan mempunyai pangkalan data tersendiri, yang boleh digunakan untuk menentukan bidang yang sepatutnya diberikan tumpuan bagi kerja penyelidikan setiap tahun.

"Harapan saya, pakar dalam bidang masing-masing di negara ini boleh bergabung dalam satu rangkaian bagi memanfaatkan geran penyelidikan yang akan diberikan oleh kerajaan terutamanya melalui Bajet 2022.

"Hasilkan penyelidikan yang besar dalam satu kumpulan dianggotai pakar daripada pelbagai universiti dan bukannya dibuat secara individu seperti banyak diamalkan sekarang.

"Optimumkan sumber yang ada untuk penyelidikan berimpak tinggi. Apa yang penting sekarang bukan kuantiti penyelidikan tetapi kualitinya," katanya.